

Lampiran Penerangan Produk

Essential Plus Personal Accident

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi Anda dengan beberapa maklumat utama mengenai insurans kemalangan peribadi kamu.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **Anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Essential Plus Personal Accident ini?

Essential Plus Personal Accident memberi ganti rugi apabila terjadinya kecederaan, ketidakupayaan atau kematian yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh cara luar yang dashyat, dan boleh dilihat dan secara kemalangan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 98.00** setahun, Anda akan menerima **perlindungan** berikut :

Polisi ini melindungi :			
• Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal	RM 50,000	• Pendapatan Harian Hospital (Sehingga 365 hari bagi setiap Kemalangan)	RM 50
• Perbelanjaan Perubatan	RM 5,000	• Patah Tulang / Tulang Yang Patah	RM 2,000
• Luka Bakar Yang Serius	RM 2,000	• Bayaran Ambulans	RM 2,000
• Pembetulan Pergigian dan/atau Pembedahan Kosmetik	RM 5,000	• Rawatan Tradisional (Sehingga RM50 bagi setiap lawatan)	RM 400
• Pembelian Peralatan Ortopedik (Termasuk implant)	RM 1,000	• Penjagaan Kejururawatan Di Rumah (Sehingga RM250 sebulan and maksimum 1 tahun sahaja)	RM 3,000
• Laporan Perubatan/Bedah Siasat	RM 200	• Mati Pucuk Yang Kekal Dan Kemandulan	RM 50,000
• Manfaat Penculikan	RM 50,000	• Elaun Kematian	RM 5,000
• Elaun Pengebumian	RM 5,000	• Perbelanjaan Perjalanan	RM 2,000
• Pemindahan Darah	RM 5,000	• Pemindahan Perubatan/Penghantaran Pulang (Akibat Kemalangan di luar negara)	RM 25,000
• Liabiliti Peribadi (Had Wilayah: Malaysia sahaja)	RM 50,000	• Papasan Berganda (Kematian atau hilang upaya kekal tertentu semasa menggunakan pengangkutan awam, perjalanan ke luar negara atau menjadi mangsa ragut)	RM 100,000
• Elaun Ihsan Untuk Penyakit Berjangkit Tertentu	RM 10,000	• Bonus Pembaharuan (10% setiap tahun sehingga maksimum)	100%

Dengan membayar premium **tambahan**, Anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi :

Manfaat Pilihan (1) – Manfaat Mingguan (Hanya untuk orang dewasa yang bekerja) (Tidak terpakai untuk Anak tanggungan)			
Manfaat	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
• Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (Setiap minggu, sehingga 52 minggu)	RM 100	RM 200	RM 300
• Hilang Upaya Separa Sementara (Setiap minggu, sehingga 52 minggu)	RM 50	RM 100	RM 150

Manfaat Pilihan (2) – Penggalak Gaya Hidup			
Manfaat	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
• Pencurian Secara Ragut (Terhad kepada 2 tuntutan)	RM 600	RM 600	RM 600
• Keguguran Secara Kemalangan	RM 2,000	RM 3,000	RM 5,000
• Tabung Pendidikan Anak (Setiap anak, sehingga 3 orang anak)	RM 5,000	RM 10,000	RM 15,000
• Penjagaan Keluarga Harian (Sehingga 14 hari)	RM 50	RM 75	RM 100
• Tunai Ihsan Keganasan Rumahtangga (Terhad kepada 1 kejadian)	RM 200	RM 300	RM 500
• Perbelanjaan Pengubahsuaian Gaya Hidup	RM 5,000	RM 10,000	RM 15,000
• Bantuan Sokongan Ibu bapa (Setiap ibu bapa, sehingga 2 ibu bapa)	RM 3,000	RM 5,000	RM 7,500
• Kaunseling Trauma (Sehingga RM 500 setiap sesi)	RM 2,000	RM 3,000	RM 5,000
• Rompakan Wang Tunai (Tertakluk kepada syer bersama 90/10)	RM 300	RM 500	RM 1,000
• Perlindungan Pembelian (Tertakluk kepada syer bersama 90/10)	RM 200	RM 300	RM 500

Polisi ini mengecualikan :
• Kecederaan diri dengan sengaja dan bunuh diri • Penyakit • Peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), penceroboh, perang saudara, rusuhan atau kecelaruan awam • Memandu dalam keadaan mabuk • Melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang • Keadaan Kesihatan Sedia Ada • Kecacatan atau kelemahan mental

Nota: Di atas adalah huraian ringkas mengenai manfaat dan pengecualian utama tertentu di bawah Polisi dan bukan menyeluruh. Sila baca Keterangan Polisi untuk carta manfaat untuk kematian dan hilang upaya, butir-butir, terma dan syarat penuh insurans.

Jika Anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan peribadi Anda, Anda boleh :

Hubungi Kami di: 603-2058 3000

Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

Emel Kami di: Inquiries.MY@chubb.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans kemalangan peribadi ini, Anda mesti membayar premium :	
Perlindungan Standard	RM 98.00 setahun
Diskaun Keluarga (Untuk Perlindungan Standard sahaja): Orang Yang Diinsuranskan sahaja	Diskaun 30% ke atas premium yang perlu dibayar untuk Anak Tanggungan
Diskaun Keluarga (Untuk Perlindungan Standard sahaja): Orang Yang Diinsuranskan dan Pasangan	Diskaun 50% ke atas premium yang perlu dibayar untuk Anak Tanggungan
Perlindungan Tambahan (Manfaat Pilihan (1) – Manfaat Mingguan) (Tidak terpakai untuk Anak Tanggungan)	RM 23.00 – RM 67.00 setahun (Bergantung pada pelan yang dipilih)
Perlindungan Tambahan (Manfaat Pilihan (2) – Penggalak Gaya Hidup)	RM 10.00 – RM 27.00 setahun (Bergantung pada pelan yang dipilih)
Anda juga perlu membayar fi dan caj yang berikut :	
Duti setem	RM 10.00
Komisen yang dibayar, jika ada, kepada perantara Insurans	Maksimum sehingga 25% daripada premium
Caj berkenaan yang lain	Cukai perkhidmatan 8%

4. Lain-lain Terma

- Orang yang Diinsuranskan mestilah seorang warganegara Malaysia, pemegang permit kerja Malaysia, atau individu yang bekerja secara sah di Malaysia yang berumur antara lapan belas (18) hingga tujuh puluh lima (75) tahun (boleh diperbaharui sehingga seratus (100) tahun) kecuali untuk Anak Tanggungan berumur lebih daripada dua puluh sembilan (29) hari tetapi kurang daripada sembilan belas (19) tahun, atau berumur kurang daripada dua puluh tiga (23) tahun dan merupakan pelajar sepenuh masa di sekolah, kolej, atau universiti yang diiktiraf pada tarikh permulaan Polisi ini.
- Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui Polisi anda setiap tahun.
- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang cadangan (atau semasa Anda memohon untuk Perlindungan ini).

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi Anda. Anda mesti mengambil langkah yang wajar untuk tidak membuat salah nyata dan menjawab soalan dengan lengkap serta tepat. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan kontrak dibatalkan atau tuntutan anda ditolak atau dikurangkan.
- Prosedur membuat tuntutan - Jika berlaku apa-apa kejadian yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mesti memberikan notis bertulis kepada Kami secepat yang mungkin, dan dalam apa-apa kejadian, dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian.
Untuk membuat tuntutan, sila log masuk dengan nombor Sijil Insurans Anda dan lengkapkan permohonan atas talian berserta dengan dokumen sokongan kepada Portal Tuntutan Chubb Malaysia di:
<https://apac.myaccount.chubb.com/myaccount/my/default/default/default/en-MY>
- Premium penuh mesti dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan insurans di bawah Polisi bermula (Tunai Sebelum Perlindungan).
- Anda layak untuk membeli satu perlindungan Essential Plus Personal Accident Sahaja.
- Anda boleh merujuk kepada penerangan mengenai pengelasan pekerjaan dan senarai pekerjaan yang tidak diinsuranskan dalam risalah.
- Anak Tanggungan hanya boleh dilindungi di bawah Pelan 1 atau 2 seperti yang dinyatakan dalam risalah atau Polisi.

Nota: Senarai ini bukan menyeluruh. Anda patut merujuk kepada Polis/Sijil Insurans untuk senarai terma dan syarat penuh.

5. Bolehkah saya membatalkan Perlindungan saya?

Ya. Anda boleh membatalkan Polisi Anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Setelah Polisi dibatalkan dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat, Anda boleh menerima bayaran balik premium berdasarkan skala kadar tempoh pendek seperti yang ditunjukkan dalam Keterangan Polisi.